

Kejatuhan ringgit pengaruhi kos sara hidup rakyat

Pada 19 Disember 2017 lalu, nilai Ringgit mencecah paras terendah sejak krisis kewangan Asia pada 1998 iaitu RM4.48 bagi setiap dolar Amerika Syarikat (AS). Nilai Ringgit menyusut sebanyak tiga peratus berbanding dengan kadar tukaran purata pada Januari lalu, iaitu RM4.35 bagi setiap dolar AS.

Kita tidak perlu panik dengan situasi ini, tetapi perlu bimbang jika tiada usaha ke arah pemulihan ringgit dilakukan. Kejatuhan ringgit memberi implikasi yang signifikan kepada ekonomi negara. Tulisan ini mengupas bagaimana kejatuhan Ringgit mempengaruhi beban kos sara hidup rakyat.

Belanja lebih tinggi

Bebanan kos sara hidup yang dirasakan isi rumah masa kini adalah akibat pergerakan tingkat harga yang meningkat lebih tinggi berbanding dengan peningkatan kadar upah. Hal ini menyebabkan

**Fakta
nombor**

RM4.48

NILAI

**Ringgit pada
19 Disember
2017**

isi rumah terpaksa berbelanja lebih tinggi untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.

Analisis mendapati 53 peratus daripada peningkatan harga di dalam ekonomi disumbang oleh peningkatan harga makanan (termasuk minuman tidak beralkohol). Penyusutan nilai ringgit berbanding dolar AS akan meningkatkan harga makanan akibat daripada peningkatan harga bahan mentah yang diimport.

Secara purata, bagi setiap ringgit keluaran makanan yang diproses, RM0.11 mengandungi bahan mentah yang diimport. Bagi setiap ringgit keluaran makanan yang tidak diproses seperti sayur dan buah-buahan, RM0.28 mengandungi bahan mentah yang diimport.

Pengeluar makanan berkemungkinan boleh menyerap kenaikan harga bahan mentah yang diimport jika nilai penyusutan ringgit hanyalah bersifat semen-

tara. Situasi nilai tukaran ringgit yang melebihi paras RM4 bagi setiap dolar AS sejak Januari lalu tidak memberi banyak pilihan kepada pengeluar selain menaikkan harga barangan.

Faktor pergerakan ringgit

Ada yang berpendapat pergerakan Ringgit dipengaruhi oleh pergerakan harga minyak mentah dunia. Memang benar nilai ringgit menyusut seiring penurunan harga minyak mentah dunia pada peringkat awal. Tetapi jika dilihat kepada perkembangan semasa, pergerakan ringgit tidak lagi berhubung kuat dengan perubahan harga minyak mentah dunia.

Contohnya, harga purata minyak dunia telah meningkat daripada 26.50 dolar AS satu tong pada Januari 2016 kepada 51.16 dolar AS satu tong pada Disember 2016. Sebaliknya nilai purata tukaran ringgit menyusut daripada RM4.35 kepada RM4.45 bagi

setiap dolar AS dalam tempoh sama.

Ada faktor lain selain daripada harga minyak mentah dunia yang mempengaruhi pergerakan Ringgit. Keyakinan pelabur terhadap pasaran ringgit perlu dilihat secara serius. Urus tadbir negara dan beberapa isu negatif lain berkemungkinan mempengaruhi persepsi pelabur luar ke atas pasaran ringgit.

Justeru, penyusutan nilai ringgit yang berterusan jika tidak dibendung boleh memberi kesan negatif kepada kos sara hidup isi rumah. Ditambah pula dengan struktur pasaran pertanian yang bersifat oligopoli yang turut mempengaruhi harga melalui kawalan secara tidak langsung ke atas rantai bekalan bahan mentah.



Dr Mohd Yusof Saari,
Institut Kajian Dasar Pertanian
dan Makanan UPM